



GARIS PANDUAN  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
TAHUN 2024

GARIS PANDUAN  
KANDUNGAN  
BERUNSUR  
ISLAM DALAM  
MEDIA BAHARU

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Cetakan Pertama 2024

© JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

**Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan**

**GARIS PANDUAN KANDUNGAN BERUNSUR ISLAM DALAM MEDIA BAHARU**

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,  
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,  
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
MALAYSIA

Konsep, Rekabentuk dan Cetakan:

Produksi Nur-Johan Sdn. Bhd. (396771-M)

Ibu Pejabat & Kilang:

5A & 7A, Jalan Perindustrian Silibin 1,  
Kawasan Perindustrian Ringan Silibin,  
30100 Ipoh Perak Darul Ridzuan.

📞: +00 605-527 1808 / 527 7808

✉️: aidanurjohan@yahoo.com / aidanurjohan@nurjohan.com

🌐: www.nurjohan.com

## KANDUNGAN

<b>PRAKATA PENGARAH JAKIM.....</b>	<b>1</b>
<b>TUJUAN.....</b>	<b>2</b>
<b>PEMAKAIAN.....</b>	<b>3</b>
<b>TAFSIRAN.....</b>	<b>3</b>
<b>BAHAGIAN I : DASAR UMUM.....</b>	<b>9</b>
<b>BAHAGIAN II : KANDUNGAN BERUNSUR ISLAM.....</b>	<b>10</b>
1. Mempersoalkan kewibawaan sumber-sumber hukum Islam yang utama iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijma dan qiyas.....	10
2. Mempersendakan dan menghina kemuliaan agama Islam, rukun iman, rukun Islam dan perkara-perkara asas dalam Islam ( <i>al-ma'lum min al-din bi al-darurah</i> ) .....	11
3. Mempropaganda akidah, doktrin, kepercayaan, ajaran, hukum dan fahaman yang menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah secara langsung atau tidak langsung.....	12
4. Mengandungi perkara-perkara khurafat, tasyul, syirik, bid'ah dan adat yang menyalahi Islam.....	12
5. Memapar dan menyebarluaskan hadith palsu ( <i>maudhu'</i> ) dan kisah-kisah Isra'iliyyat.....	13
6. Mengandungi perkara yang bertentangan dengan fatwa atau pandangan hukum yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti.....	13
7. Memaparkan gambaran para rasul atau nabi, malaikat, sahabat yang empat, syaitan dan perkara-perkara <i>ghaibiyat</i> .....	14
8. Menyalahi atau mengelirukan fakta yang dapat menimbulkan salah faham dan kekeliruan.....	14
9. Menjalankan atau mempromosikan apa-apa aktiviti perniagaan, pelaburan, perkhidmatan atau skim yang tidak patuh syariat dan undang-undang.....	15

10. Mempropaganda fahaman yang ekstrem, melampau, fanatik, radikal atau islamofobia.....	16
11. Mengandungi percakapan dan perbuatan yang menyalahi nilai akhlak Islam.....	16
12. Mempropaganda pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan yang bukan mahram dan gaya hidup songsang.....	17
<b>PENUTUP.....</b>	<b>18</b>

## PRAKATA KETUA PENGARAH JAKIM



Alhamdulillah, segala puji-pujian dipanjangkan ke hadrat Allah SWT yang mentadbir alam semesta ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sekalian para sahabatnya.

Penerbitan Garis Panduan Kandungan Berunsur Islam Dalam Media Baharu ini bertujuan memberikan panduan dan rujukan kepada pihak pempengaruh, pencipta kandungan, pendakwah, penggiat seni, pengkarya, pencipta aplikasi dan orang awam yang terlibat dalam menentukan kesesuaian kandungan sesebuah bahan media baharu supaya tidak menyimpang daripada ajaran Islam berpandukan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Garis panduan ini juga dapat dijadikan satu asas rujukan dan panduan kepada agensi-agensi berkaitan penerbitan, penapisan dan pengawalan isi kandungan termasuk juga individu-individu yang ingin menerbit atau menghasilkan karya kreatif dalam pelbagai platform media baharu demi menjaga akidah dan syariat Islam.

Diharapkan garis panduan ini dapat melahirkan perasaan cakna kepada mana-mana orang untuk berkarya tanpa melepassi batas syarak, membanyakkan kandungan bahan media baharu berteraskan akidah, syariat dan nilai-nilai akhlak serta menggalakkan amalan kawalan kendiri atau *self regulation* dalam penggunaan media baharu.

Akhirnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah menjayakan penerbitan garis panduan ini, dan mengharapkan kerjasama semua pihak dapat mematuhi bagi memastikan kesucian agama Islam terpelihara.

**YBHG. DATIN PADUKA HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF,**

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

## TUJUAN

1. Garis panduan ini disediakan untuk memastikan kandungan yang disebarluaskan melalui media baharu selaras dengan nilai-nilai dan ajaran Islam. Beberapa tujuan utama garis panduan ini termasuk:
  - (a) Menyebarluaskan nilai-nilai Islam.

Memastikan kandungan media baharu mempromosikan nilai-nilai moral, etika, dan spiritual dalam Islam kepada masyarakat.
  - (b) Menghindari kandungan yang berbahaya.

Mencegah penyebaran informasi palsu, berbahaya, atau yang bertentangan dengan ajaran Islam yang dapat merosakkan masyarakat.
  - (c) Menggalakkan kebajikan dan kebenaran.

Mendorong penyebaran informasi yang benar, bermanfaat, dan positif yang membawa manfaat kepada individu dan masyarakat.
  - (d) Melindungi kehormatan dan maruah.

Memastikan kandungan media baharu menghormati maruah manusia, mengelakkan kandungan yang memalukan atau mengejek individu atau kelompok.
  - (e) Membangun kesedaran agama.

Menggunakan media baharu untuk mendidik dan membimbing masyarakat dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

- (f) Mendorong kehidupan sosial yang harmoni.  
Menggalakkan interaksi yang sopan dan saling menghormati antara individu dengan kelompok dalam ruang media.

## PEMAKAIAN

2. Garis panduan ini diguna pakai dan menjadi rujukan kepada:
- (a) Pempengaruh, pencipta kandungan, pendakwah, penggiat seni, pengkarya, pencipta aplikasi;
  - (b) Pihak berkuasa pengawalan dan penapisan media baru; dan
  - (c) Orang awam.
3. Kandungan media yang tertakluk di bawah garis panduan ini merangkumi platform berikut:
- (a) Media baru seperti laman sesawang, blog, *podcast*, aplikasi, perisian, dan permainan digital (konsol, *mobile gaming*/ mudah alih dan komputer); dan
  - (b) Media sosial seperti Facebook, YouTube, TikTok, Instagram, X (Twitter), Telegram, WhatsApp dan Wechat.

## **TAFSIRAN**

4. Bagi maksud garis panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

### **Akhlik**

Ertinya kelakuan, tabiat, adab dan budi pekerti yang berasaskan ajaran Islam dan peraturan yang ditetapkan melalui al-Quran dan al-Sunnah.

### **Aqidah Islamiah**

Ertinya pegangan ataupun kepercayaan dalam agama Islam berdasarkan akidah pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah.

### **Ajaran Islam**

Ertinya sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk menurut pegangan yang berlandaskan Ahli Sunnah wal-Jamaah.

### **Ahli Sunnah wal-Jamaah**

Ertinya dari segi akidah berpandukan mazhab al-Asya'irah dan al-Maturidiah, dari segi syariah berpandukan mazhab muktabar mazhab Syafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali dan dari segi tasawuf hendaklah berpegang kepada Imam Junaid al-Bahgدادي dan Imam al-Ghazali serta aliran tasawuf muktabar.

### **Ajaran Sesat**

Ertinya sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikat ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah.

### **Ateisme**

Ertinya fahaman yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan.

### **Berunsur Islam**

Ertinya kandungan media yang mengandungi atau memaparkan perkara-perkara dan ciri-ciri yang berkaitan Islam dalam semua aspek seperti akidah, syariah, ibadah, sejarah, adab, akhlak dan lain-lain.

### **Bid'ah**

Ertinya perkara baharu yang diada-adakan yang langsung tidak mempunyai asas daripada syariat Islam.

### **Fatwa**

Ertinya keputusan sesuatu hukum ke atas perkara yang belum mempunyai hukum yang dikeluarkan secara rasmi dan diwartakan oleh Pihak Berkuasa Fatwa Negeri-Negeri.

### **feminisme**

Ertinya gerakan atau faham yang menuntut persamaan hak wanita seperti yang dinikmati oleh kaum lelaki.

### **Ghaibiyat**

Ertinya perkara-perkara ghaib yang wajib diimani seperti para malaikat, seksa kubur, jin dan sebagainya.

### **Hadith**

Ertinya apa yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW dari segi perkataan, perbuatan dan *taqrir* (pengakuan).

### **Hukum**

Ertinya peraturan, ketentuan atau ketetapan yang bersumber dari al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas yang menjadi pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah.

### **Hedonisme**

Ertinya pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup.

### **Humanisme**

Ertinya fahaman, pendirian atau sistem yang mengutamakan nilai-nilai, kepentingan, dan maruah manusia tanpa mementingkan nilai-nilai atau kekuasaan lain.

### **Islamofobia**

Ertinya ketakutan yang melampau terhadap agama Islam atau penganutnya.

### **Isra’iliyyat**

Ertinya cerita-cerita palsu yang masuk ke dalam tafsir dan hadith yang bersumber daripada Yahudi dan Nasrani.

### **Keganasan**

Bermaksud sengaja menggunakan kuasa atau kekerasan secara fizikal, mengugut atau benar-benar berbuat keganasan, terhadap sesuatu kumpulan atau komuniti, yang menyebabkan atau besar kemungkinan akan menyebabkan kecederaan, kematian, kesan psikologi, kerencatan tumbesaran dan pengabaian.

### **Khurafat**

Ertinya segala bentuk ajaran, amalan, pantang larang, adat istiadat yang berunsur pemujaan, ramalan- ramalan atau kepercayaan-kepercayaan yang menyimpang daripada ajaran Islam.

### **Materialistik**

Ertinya berkaitan dengan kebendaan, bersifat kebendaan, mengutamakan (mementingkan) kebendaan.

### ***Maudhu'***

Ertinya sesuatu yang disandarkan kepada Nabi SAW secara rekaan atau dusta semata-mata.

### **Mempersenda**

Ertinya mengejek, mempermain, menghina, menyamakan atau mempertikai.

### **Mempropaganda**

Ertinya suatu penerangan, ideologi, faham atau pendapat yang dihebahkan untuk mempengaruhi orang ramai. Ia juga dertiikan dengan maksud diayah.

### **Menyentuh Kesucian Islam**

Ertinya mengandungi sesuatu perkara yang boleh menyebabkan tercemarnya kesucian dan keagungan agama Islam.

### **Perkara-perkara asas dalam Islam (*al-ma'lum min al-din bi al-darurah*)**

Ertinya perkara-perkara yang semestinya telah diketahui umum oleh umat Islam sehingga tidak ada ruang untuk menolak, mempertikai dan berbeza pendapat seperti kewajiban solat, pengharaman arak, zina, kahwin sesama jenis dan sebagainya.

### **Pluralisme Agama**

Ertinya fahaman yang beranggapan dan mempercayai semua agama adalah benar dan setaraf; bahawa kebenaran bukan milik eksklusif mana-mana agama.

### **Rasionalisme**

Ertinya fahaman bahawa taakulan (pertimbangan dan penilaian dengan menggunakan akal dan tinjauan akal) adalah asas yang paling baik dalam melakukan sesuatu tindakan, menyelesaikan masalah dan sebagainya.

### **Syiah**

Ertinya mereka yang menyokong Saidina Ali dan keturunannya serta berpegang bahawa Imam (khalifah) selepas wafat Rasulullah SAW adalah khusus kepada Saidina Ali dan keturunannya.

### **Sekularisme**

Ertinya fahaman, doktrin atau pendirian yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia.

### **Sunnah**

Ertinya segala sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan dan pengakuan (*taqrir*) sesudah dilantik menjadi Rasul.

### **Syariat**

Ertinya hukum atau peraturan Islam yang mengatur seluruh sendi kehidupan umat Islam.

## **BAHAGIAN I : DASAR UMUM**

Menjadi kewajipan dan amanah kepada semua penyedia kandungan berunsur Islam memastikan perkara-perkara berikut;

- (a) Sumber maklumat adalah berautoriti, dipercayai dan berwibawa
- (b) Mendapat kebenaran daripada sumber maklumat asal atau menyatakan penghargaan (kredit) kepadanya.
- (c) Petikan atau bacaan ayat al-Quran adalah tepat.
- (d) *Matan*, terjemahan atau huraian hadith adalah tepat.
- (e) Kandungan berkaitan akidah selari dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah.
- (f) Kandungan berkaitan hukum-hakam adalah tepat dan selari dengan apa yang dinyatakan oleh para ulama muktabar.

## **BAHAGIAN II : KANDUNGAN BERUNSUR ISLAM**

Kandungan berunsur Islam sama ada dalam bentuk penulisan, dialog, lakonan, bunyi, gambaran, ilustrasi, simbol, lambang dan lain-lain hendaklah tidak membawa kepada perkara yang dapat merosakkan akidah, syariat dan akhlak secara tersurat atau tersirat. Perkara yang perlu diberikan perhatian dan penelitian adalah seperti berikut:

- 1. Mempersoalkan kewibawaan sumber-sumber hukum Islam yang utama iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijma' dan qiyas.**

Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Mempertikaikan kebenaran al-Quran dan hadith yang diperakui oleh para ulama hadith.
- (b) Menyatakan bahawa Sunnah bukan sumber hukum dalam Islam kecuali al-Quran sahaja.
- (c) Menyatakan bahawa mimpi, kasyf, ilham dan ilmu laduni merupakan sumber ilmu dalam bidang akidah dan syariah.
- (d) Mentafsir dan menghuraikan al-Quran atau hadith mengikut pandangan sendiri tanpa merujuk kepada ulama tafsir yang muktabar.
- (e) Menyatakan bahawa hukum-hakam dan undang-undang Islam tidak sesuai diamalkan.

2. **Mempersendakan dan menghina kemuliaan agama Islam, rukun iman, rukun Islam dan perkara-perkara asas dalam Islam (*al-ma'lum min al-din bi al-darurah*)**

Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Merendah-rendahkan kedudukan al-Quran, kebenaran hadith, nabi dan rasul, malaikat dan para ulama.
- (b) Menjadikan atau menggantikan apa-apa objek sebagai gurauan dalam solat antaranya menjadikan kipas angin sebagai ganti makmum dan penyapu sebagai tongkat khatib baca khutbah.
- (c) Melakukan tarian berlatarbelakangkan masjid, kaabah, tanah perkuburan umat Islam dan sebagainya.
- (d) Menggayakan pakaian atau fesyen muslimah tetapi mendedahkan aurat seperti berhijab tetapi memakai seluar pendek.
- (e) Mendakwa Islam hanya mewajibkan sembahyang tiga waktu sehari semalam.
- (f) Alunan bacaan atau paparan al-Quran atau hadith dengan irungan bunyi muzik yang kurang sesuai antaranya muzik rock, raggae, jazz dan lain-lain.
- (g) Memaparkan rakaman aksi ekstrem, romantis dan tidak sopan dengan irungan atau berlatarbelakang suara azan, bacaan ayat al-Quran atau hadith.

**3. Mempropaganda akidah, doktrin, kepercayaan, ajaran, hukum dan fahaman yang menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah secara langsung atau tidak langsung**

Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Menyelitkan, menyebar atau melakonkan ritual atau upacara agama selain Islam.
  - (b) Menyokong dan menyebar sesuatu pegangan akidah, doktrin, kepercayaan, ajaran dan fahaman atau ajaran yang telah difatwakan sesat atau menyeleweng antaranya gerakan al-Arqam dan Syiah.
  - (c) Menyokong dan menyebar apa-apa fahaman yang bercanggah dengan Islam antaranya ateisme, liberalisme, pluralisme, feminism, sekularisme, hedonisme, materialistik, humanisme, rasionalisme dan sebagainya.
- 4. Mengandungi perkara-perkara khurafat, tahlul, syirik, bid'ah dan adat yang menyalahi Islam**

Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Kepercayaan bahawa sesuatu benda mempunyai kuasa sakti, dapat memberikan manfaat atau mudarat secara langsung antaranya azimat, kubur, pokok, kayu, keris, cincin, busut, telaga dan batu.
- (b) Memaparkan atau menyebarluaskan ramalan dan tilikan nasib, tempat atau benda yang didakwa mempunyai kesaktian.

- (c) Mengamalkan upacara, adat atau ritual yang tiada asas dalam agama antaranya adat mandi Safar, puja semangat, puja pantai, bacaan jampi mantera dan sebagainya.
5. **Memapar dan menyebarkan hadith palsu (*maudhu'*) dan kisah-kisah Isra'iliyyat**
- Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:
- (a) Menyebarluaskan hadith palsu mengenai kelebihan beramal dengan sesuatu perkara dan mendakwa ia daripada Rasulullah SAW.
  - (b) Kisah-kisah Isra'iliyyat dijadikan sebagai dasar akidah, syariat atau hujah dalam dakwah dan motivasi.
6. **Mengandungi perkara yang bertentangan dengan fatwa atau pandangan hukum yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti**
- Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:
- (a) Mempertikaikan dan memperlekehkan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama atau badan-badan berautoriti di peringkat persekutuan dan negeri.
  - (b) Menghasut orang ramai supaya menolak sesuatu fatwa dan pandangan hukum yang dikeluarkan oleh institusi agama yang berautoriti.
  - (c) Memburuk-burukkan institusi agama dan para ulama.

- (d) Memaparkan ayat-ayat al-Quran dengan tulisan selain huruf arab (romanise) atau bukan rasm Uthmani sebagaimana yang telah difatwakan.
7. **Memaparkan gambaran para rasul atau nabi, malaikat, sahabat yang empat, syaitan dan perkara-perkara ghaibiyat.**
- Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:
- (a) Menggambarkan rupa paras para nabi, rasul, malaikat, syaitan dan perkara-perkara ghaib antaranya malaikat berupa seorang lelaki yang bersayap.
  - (b) Menggambarkan rupa keadaan dan suasana azab kubur, gambaran di neraka dan syurga serta keadaan pada hari kiamat.
  - (c) Melakonkan watak sebagai Nabi, Malaikat dan Syaitan.
8. **Menyalahi atau mengelirukan fakta yang dapat menimbulkan salah faham dan kekeliruan.**
- Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:
- (a) Mereka-reka fakta dengan mendakwa para Nabi atau Rasul turun di tempat tertentu supaya diambil berkat tempat tersebut.
  - (b) Menyebarluaskan fakta salah yang mengelirukan orang ramai antaranya melalui suntingan video atau rakaman suara.
  - (d) Memanipulasi fakta yang menjurus kepada

ideologi, puak dan kepentingan tertentu.

9. **Menjalankan atau mempromosikan apa-apa aktiviti perniagaan, pelaburan, perkhidmatan atau skim yang tidak patuh syariat dan undang-undang.**

Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Mempromosikan produk atau perkhidmatan yang diharamkan dalam agama antaranya judi, arak, babi, dadah, ganja, pelacuran, gigolo dan sebagainya.
- (b) Mempromosi skim pelaburan yang tidak patuh syariah yang melibatkan riba, *gharar* (ketidakpastian) dan *maysir* (perjudian) antaranya skim cepat kaya dan skim piramid.
- (c) Mempromosikan sesuatu produk dengan tidak amanah, menipu dan mengaburi pihak lain untuk keuntungan antaranya menjual produk yang palsu atau cacat, memberikan testimoni palsu atau hasil yang tidak tepat.
- (d) Mempromosikan perkhidmatan yang tidak wujud antaranya pakej haji atau umrah, badal haji atau umrah dan program korban atau akikah luar negara.
- (e) Mempromosikan tabung kebajikan atau dana berbentuk infak, wakaf, sedekah, derma dan sumbangan kepada maahad tahfiz, rumah anak yatim, masjid, surau, sekolah dan lain-lain yang tidak wujud atau wujud tetapi diselewengkan.

**10. Mempropaganda fahaman yang ekstrem, melampau, fanatik, radikal atau islamofobia.**

Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Menyebarluaskan ajaran dan pemikiran radikal dan ekstrem.
- (b) Menyokong atau menzahirkan sokongan kepada kumpulan pelampau dan radikal.
- (c) Mentakfirkan individu atau golongan yang tidak sealiran.
- (d) Mengisyihar jihad tanpa autoriti dan menganjurkan sikap memerangi serta memusuhi kumpulan lain yang tidak sealiran dengan kumpulannya.
- (e) Menghalalkan darah dan harta selain daripada kumpulannya sama ada orang Islam atau bukan Islam.
- (f) Memaparkan dan menyebarluaskan elemen islamofobia yang mengaitkan Islam dengan keganasan dan menghalang kebebasan agama lain.

**11. Mengandungi percakapan dan perbuatan yang menyalahi nilai akhlak Islam.**

Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Menyebarluaskan fitnah, berita palsu, adu domba, mendedahkan keaiban, mencaci, mencarut, mengejek, membuli, menunjuk-nunjuk dan sebagainya.

- (b) Menghina bangsa, budaya, atau agama yang menjelaskan perpaduan dalam kepelbagaian masyarakat majmuk.
  - (c) Mempersenda atau merendah-rendahkan ritual, simbol atau imej agama lain.
  - (d) Melakukan provokasi yang mengundang ketidakpuasan hati mana-mana pihak atau individu.
  - (e) Memanipulasi atau menggunakan hak orang lain tanpa kebenaran antaranya eksplorasi gambar, video atau tulisan orang lain tanpa pengetahuannya, ciplak, curi data dan sebagainya.
12. **Mempropaganda pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan yang bukan mahram dan gaya hidup songsang**
- Contohnya dalam penulisan, percakapan, lakonan, ilustrasi, lirik lagu, parodi, animasi, simbol dan sebagainya mengandungi perkara-perkara berikut:
- (a) Mapaparkan, mengandungi, menyokong atau menyebar orientasi seks kumpulan *Lesbian, Gay, Transgender, Biseksual, Queer (LGBTQ), Inter-sex, Homoseksual* dan sebagainya.
  - (b) Mengabaikan batas-batas aurat dan had pergaulan antara lelaki dengan perempuan yang bukan mahram.
  - (c) Mapaparkan gaya hidup yang menyalahi cara hidup Islam dan adat ketimuran antaranya hedonisme dan materialistik.

## **PENUTUP**

Garis panduan ini diharap dapat menjadi panduan kepada pempengaruh, pencipta kandungan, pendakwah, penggiat seni, pengkarya, pencipta aplikasi, pihak berkuasa pengawalan dan penapisan media baharu, dan orang awam dalam usaha menjaga dan memurnikan kandungan media berdasarkan prinsip dan nilai-nilai agama yang luhur mengikut pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah demi kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini.

Sebarang kemosykilan berkaitan dengan Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada:

**KETUA PENGARAH  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia  
Tel : 03-8870 7000

Seksyen Kajian Media  
Bahagian Penyelidikan  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

## NOTA